

GTP KUATKAN MELAKA DI PETA EKONOMI GLOBAL

Oleh Mohamad Fazrul
Abdul Majid,
Liana Sahabudin,
Mohd Hamzatul Akmar
Md Zakaria

PEMBANGUNAN Taman Teknologi Jerman atau German Technology Park (GTP) yang akan dibangunkan di tanah seluas 186.15 hektar (460 ekar) di Ayer Keroh bakal menjadi satu kawasan perindustrian bertaraf dunia dan meletakkan Melaka sebagai kawasan tumpuan pelabur dari seluruh dunia.

Malah, Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh amat menekankan betapa pentingnya pembangunan GTP yang bakal menawarkan 10,000 peluang pekerjaan buat warga tempatan, sekali gus memberi ruang kepada mereka yang berlatarbelakangkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk meluaskan karier mereka dengan syarikat industri besar dari Jermanamanya.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam mempromosikan GTP yang secara rasminya telah dilancarkan supaya dapat memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat Jerman untuk melabur ke negeri ini.

"Saya yakin kewujudan GTP yang membawa pelabur berteknologi tinggi ini insya-Allah akan menjadi kenyataan memandangkan kita kita secara rasmi menerima kunjungan delegasi dari (negeri) Baden-Württemberg yang telah melihat potensi besar yang ada di Melaka.

"Dengan kerjasama daripada kedua-dua negeri ini (Melaka dan Baden-Württemberg) kita menjangkakan promosi GTP ini akan membawa hasil yang baik untuk kedua-dua



MAJLIS menandatangani memorandum perjanjian pada Majlis Pelancaran Minggu Jerman 'Deutscher Brand Summit (DBS) 2024 di MITC, Ayer Keroh. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

pihak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Deutscher Brand Summit 2024 Conference & Exhibition di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) pada 15 Oktober lepas.

Menariknya, GTP bakal menjadikan Melaka sebagai hab pelaburan berteknologi tinggi Jerman dan ini memberikan kelebihan buat negeri Hang Tuah ini untuk melebarkan sayap pembangunan industri dengan lebih mapan serta berkesan bagi jangka masa panjang.

**KOMBINASI TERBAIK
MELAKA-SYARIKAT
SWASTA**

Secara asasnya, GTP merupakan projek jalinan kerjasama antara Kerajaan Melaka dengan

syarikat swasta iaitu Teladan Setia, Jakel Capital Sdn Bhd, Infineon Technologies, Cypark dan lain-lain lagi.

Malah kombinasi Kerajaan Melaka bersama syarikat swasta diperhebatkan dengan penganjuran Deutscher Brand Summit 2024 Conference & Exhibition di MITC pada 14 hingga 17 Oktober lepas, menyaksikan penyertaan membebankan syarikat industri dari Jerman serta tempatan dalam program tersebut.

Deutscher Brand Summit 2024 ternyata memberikan kesan positif dari segi jalinan perniagaan antara kumpulan syarikat dari Jerman dengan syarikat tempatan serta dengan agensi kerajaan negeri.

**MCORP METERAI DUA
PERJANJIAN**

dengan kehendak operasi GTP.

"Perjanjian utama MCORP dengan Cypark adalah sebagai penyedia perkhidmatan tenaga hijau solar. Teknologi hijau adalah salah satu elemen dalam pembangunan GTP berikutan itu kita perlu melakukan persediaan untuk memastikan bekalan tenaga diperlukan mencukupi," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Yusof berkata pihak Cypark bersetuju memberikan kerjasama dalam menyediakan keperluan tenaga hijau kepada kawasan GTP.

"Pihak Cypark bersetuju bersama MCORP untuk memberikan keperluan tenaga hijau di kawasan GTP nanti," katanya.

**TAMAN INDUSTRI
TEKNOLOGI HIJAU
TARAF DUNIA**

GTP bukan sahaja berperanan sebagai pusat operasi pelbagai industri, sebaliknya bakal menjadi 'green energy park' atau taman tenaga hijau yang pertama dibangunkan di Malaysia.

Pengerusi Eksekutif Cypark Resources Berhad, Datuk Ami Moris berkata, pihaknya amat komited dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan Melaka bagi membangunkan GTP sebagai sebuah taman teknologi hijau yang memenuhi kriteria syarikat multinasional Jerman.

"Memang sudah ada taman teknologi lain di Malaysia, tetapi setakat ini belum ada yang mengaplikasikan teknologi hijau dalam pembangunannya, jadi Melaka akan menjadi negeri pertama.

"Jerman adalah sebuah negara berteknologi tinggi dan sudah tentu kita boleh berkongsi pengalaman serta inovasi dalam teknologi bersama mereka," ulasnya.

Rentetan daripada program Deutscher Brand Summit 2024, Perbadanan Melaka (MCORP) selaku agensi pelaksana bagi GTP, telah memeterai dua perjanjian yang dianggap sebagai strategi penting untuk merencanakan pembangunan GTP.

Perjanjian itu melibatkan Cypark Resources Berhad (Cypark) dan Jakel Capital Sdn Bhd bagi Memorandum perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) melibatkan institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) iaitu German Malaysia Institute (GMI).

Ketua Pegawai Eksekutif MCORP, Datuk Mohd Yusof Abu Bakar berkata perjanjian dimeterai itu bertujuan untuk menyediakan latihan dan tenaga kerja berkemahiran dalam teknologi hijau sesuai